



**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN
DIPLOMA ISLAMIC BANKING AND FINANCE**

SISTEM LINK TERUS DAN TEMPLAT MUDAH

KELAS DIB5B (GROUP 7)

NAMA	NO PENDAFTARAN
SITI NUR ASIAH BINTI ROSLAN	10DIB19F1015
NUR ASNIEZA BINTI NOOR AZMI	10DIB19F1024
NURUL ASYIQIN BINTI MD. NOOR	10DIB19F1029
NURUL WAJIHAH BINTI MOHD HASRUL	10DIB19F1033

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PENGHARGAAN	IV
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
BAB 1 PENGENALAN	1-8
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	1 - 2
1.3 Pernyataan masalah	2 -4
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Justifikasi kajian	5
1.6 Skop projek	6
1.7 Takrifan Istilah	7
1.8 Kepentingan Kajian	8
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	9-12
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Kajian-Kajian lepas	9
2.2.1 Kajian berkaitan Pengurusan Wasiat	9 - 10
2.2.2 Kajian berkaitan Sistem Link Terus dan Template Mudah	10 - 12
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	13-28

3.1	Pendahuluan	13
3.2	Rekabentuk Kajian	13-14
	3.2.1 Tinjauan Awal Keperluan Kajian	14-20
3.3	Teknik Penghasilan Projek	20-26
3.4	Bahan dan Peralatan	26
3.5	Kaedah Analisis Data	27 - 28
BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		29-34
4.1	Pendahuluan	29
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	29
	4.2.1 Projek Jenis Nyata	29-32
4.3	Perbincangan ((Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	32
	4.3.1 Impak produk	32-34
4.4	Kos penghasilan Produk	34
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN		35-38
5.1	Pendahuluan	35
5.2	Kesimpulan	35-36
5.3	Cadangan	36-37
5.4	Limitasi Kajian	37-38
5.5	Rumusan	38
RUJUKAN		39
LAMPIRAN		40-42

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelar. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk Sistem Link Terus dan Templet Mudah telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: ENCIK AMRI BIN SULONG

Tandatangan Penyelia:



Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:





Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : 
Nama: SITI NUR ASIAH BINTI ROSLAN
No. Pendaftaran: 10DIB19F1015
2. Tandatangan: 
Nama: NUR ASNIEZA BINTI NOOR AZMI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1024
3. Tandatangan: 
Nama: NURUL ASYIQIN BINTI MD.NOOR
No. Pendaftaran: 10DIB19F1029
4. Tandatangan: 
Nama: NURUL WAJIAH BINTI MOHD HASRUL
No. Pendaftaran: 10DIB19F1033

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPD50163 Business Project yang bertajuk Inovasi Sistem Link Terus dan Templet Mudah bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek ialah En, Amri Bin Sulong, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, pihak berkolaborasi dengan Majlis Agama Islam Negeri, Amanah Raya Negeri, Pejabat Peguam, Bank Islam, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project**, Inovasi Sistem Link Terus dan Templet Mudah bagi program Diploma Perbankan Islam Dan Kewangan, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Projek ini merupakan usaha sama semua dari ahli kumpulan tujuh yang terdiri daripada Siti Nur Asiah Binti Roslan, Nur Asnieza Binti Noor Azmi, Nurul Asyiqin Binti Md.Noor, Nurul Wajihah Binti Mohd Hasrul dan yang turut serta memberi bimbingan mahupun tunjuk ajar dari penyelia ialah En Amri Bin Sulong dalam merealisasikan Inovasi Sistem Link Terus dan Templet Mudah. Penghasilan inovasi ini adalah untuk menambah baik dalam mengenal pasti masalah iaitu kurang dititikberatkan dalam penulisan wasiat dalam kalangan komuniti mahupun pelajar jurusan perbankan Islam. Hal ini demikian, dengan kerjasama pihak antaranya Majlis Agama Islam Negeri, Amanah Raya Negeri, Pejabat Peguam dan Bank Islam dalam mejayakan inovasi ini seperti yang dinyatakan pada awal objektif kajian iaitu merangka templet wasiat digital dan mewujudkan perantaraan secara langsung platform yang dicipta kepada pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan awal. Tambahan itu, kaedah kajian yang digunakan dalam mengumpul data responden adalah menggunakan analisis *SWOT* malahan dapatan kajian menunjukkan peratusan yang tinggi daripada responden yang terdiri dari kalangan komuniti dan pelajar jurusan perbankan Islam menyatakan kurang kefahaman mereka terhadap prosedur atau kaedah betul dalam menulis wasiat dengan betul.

Nilai komersial inovasi adalah dilakukan secara mengiklankan produk kepada pengguna melalui memuat naik di beberapa platform media sosial yang kian maju. Dengan itu, nilai komersial produk ini dapat dilihat dari segi maklumat terkini serta padat dan ringkas dalam menulis wasiat malah dapat mewujudkan sikap minat seseorang dalam menulis wasiat mereka. Kesimpulannya, dengan wujudnya inovasi ini dapat memudahkan pengguna dalam menulis wasiat dan juga berhubung dengan pihak bertanggungjawab yang menguruskan harta melalui wasiat. Secara tidak langsung, inovasi ini dapat mengurangkan jumlah purata harta yang dibekukan di Malaysia akibat daripada sikap segelintir pihak yang tidak menulis wasiat daripada hartanya.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan tentang masalah yang kurang dititikberatkan dalam penulisan wasiat.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di Politeknik Seberang Perai. Institusi ini adalah tempat pengajian yang terletak di kawasan Permatang Pauh, Pulau Pinang. Jenis syarikat yang terlibat adalah Majlis Agama Islam Negeri, Amanah Raya Negeri, Pejabat Peguam dan Bank Islam. Walau bagaimana pun, kajian ini tertumpu kepada para mahasiswa yang menuntut di institusi

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian dalam membina aplikasi mudah yang disertakan link terus ke pejabat yang bertanggungjawab menguruskan hal wasiat.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan sumber dari Dewan Bahasa dan Pustaka wasiat didefinisikan sebagai pesanan atau peninggalan terakhir yang disampaikan oleh seseorang yang hampir meninggal dunia. (Kamus pelajar edisi kedua). Ia bermaksud sesuatu warkah terakhir yang ditinggalkan oleh pewasiat sama ada dalam bentuk penulisan ataupun iqrar yang diperbuat ke atas hartanya atau manfaat pada jangka masa hayatnya ketika masih hidup untuk menyempurnakan sesuatu kebajikan.

Menurut Islam, pandangan para fuqaha mengenai penulisan wasiat ini digalakkan bagi golongan yang memiliki harta dan wajib untuk ibu bapa serta kaum kerabat. Ramai yang masih

mengambil mudah dan tidak mahir dalam pengurusan wasiat sehingga berpandangan bahawa pengagihan harta hanya melalui kaedah faraid sahaja. Oleh itu, jika wasiat tidak dirancang atau tidak dititikberatkan sebaiknya oleh keluarga, maka ia boleh mengakibatkan kesengsaraan yang akan ditinggalkan untuk ahli waris pada masa akan datang.

Statistik kesedaran komuniti terhadap mewasiatkan
harta pusaka



Rajah 1.2 Nilai-nilai

13 PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat moden kini, kurang didedahkan dengan konsep penulisan wasiat. Malah, mereka masih mencari-cari maklumat mengenai kaedah untuk menulis wasiat dengan betul dan seperti yang telah ditetapkan. Segelintir komuniti dan pelajar-pelajar jurusan kewangan dan perbankan islam juga menganggap isu berkaitan penulisan wasiat ini adalah isu yang dipandang ringan yang berlaku pada zaman sekarang sehingga harta peninggalan tersebut dibiarkan dibekukan oleh pihak bertanggungjawab di mana harta pusaka akan diserahkan kepada jabatan hartanah. Oleh kerana mereka kurang kesedaran serta pengetahuan mendalam mengenai penulisan wasiat, ini akan menyebabkan peningkatan jumlah harta yang tidak diuruskan tanpa sebarang penulisan wasiat diketengahkan oleh si pewaris.

Timbulnya isu tentang penulisan wasiat yang kurang dititikberatkan adalah berpunca daripada kalangan komuniti dan pelajar jurusan perbankan islam ialah kurang berpengetahuan tentang wasiat. Kesan daripada kurangnya pengetahuan berkenaan penulisan wasiat ini dapat memberi kesan negatif kepada generasi yang akan datang. Malahan, terdapat segelintir pihak yang terdiri daripada komuniti mahupun pelajar-pelajar jurusan perbankan islam ini tidak tahu akan langkah

atau prosedur yang telah ditetapkan untuk menulis wasiat sebelum meninggal dunia. Pada masyarakat kini, kurang kesedaran dalam diri mereka tentang pentingnya penulisan wasiat adalah faktor masalah ini timbul. Jika diteliti dengan lebih mendalam, kesedaran tentang isu ini dapat menyumbang dari segi memudahkan mengurus harta yang ditinggalkan oleh si mati. Tambahan, kalangan pelajar-pelajar jurusan kewangan dan perbankan islam juga kurang pendedahan mengenai cara menulis wasiat dengan betul dan juga tepat. Sehubungan dengan itu kerana wujudnya pendedahan maklumat ini, dapat melahirkan generasi muda yang bijak dalam menguruskan harta melalui penulisan wasiat bak kata pepatah ‘melentur buluh biarlah dari rebungunya’.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk menyelesaikan isu tentang penulisan wasiat yang kurang dititikberatkan dalam kalangan komuniti. Dalam konteks ini, penulisan wasiat adalah merupakan alternatif bagi pewasiat untuk menyampaikan hasratnya mengenai bagaimana aset yang dimilikinya dapat diagihkan kepada ahli keluarga mahupun bukan ahli keluarga selepas pewasiat meninggal dunia. Tindakan isu yang diketengahkan di atas, masalah ini dapat diselesaikan jika komuniti menitikberatkan soal penulisan wasiat. Malah dapat menyelesaikan beberapa isu yang akan timbul selepas kematian si mati seperti hutang.

Secara ringkasnya, ini akan menimbulkan beberapa isu seperti harta pusaka dibekukan dan tidak dituntut sekiranya kalangan komuniti tidak menitikberatkan tentang penulisan wasiat. Namun begitu, wasiat sering disalah tafsirkan dan kebanyakan umat Islam menganggap wasiat adalah kata-kata atau pesanan pewasiat mengenai hartanya sebelum meninggal dunia. Justeru itu, wasiat sebenarnya merupakan dokumen yang bertulis yang mengandungi ikrar atau pesanan terakhir yang dibuat oleh pewasiat sebelum meninggal dunia dan manfaat harta itu akan dilaksanakan selepas kematiannya. Walhal, terdapat beberapa pendekatan masalah persekitaran yang sering timbul akibat tidak ada penulisan wasiat selepas kematiannya seperti proses pengagihan harta pusaka berlarutan sehingga bertahun-tahun, nasib waris tidak terbela, hutang tertunggak, serta menyebabkan hubungan kekeluargaan terjejas dan sebagainya. Malahan itu, amat sukar untuk meramalkan nafsu serta perasaan manusia yang menginginkan dan memanipulasikan wasiat daripada pewasiat yang meninggal dunia.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, terdapat beberapa kesan sekiranya isu ini tidak dititikberatkan dalam kalangan komuniti dan pelajar-pelajar pada generasi kini. Antarannya, adalah pewasiat atau pemilik harta tidak sempat memberikan harta kepada orang yang disayangi. Sehubungan dengan itu, akan memberi impak yang besar terhadap tunggakan harta oleh pemiliknya. Selanjutnya, memberi kesan terhadap pewasiat dari segi kerugian disebabkan tidak membuat kebajikan selepas mati seperti amalan bersedekah dan wakaf. Oleh hal demikian isu ini akan memberi kesan kepada komuniti serta pelajar-pelajar, antaranya harta pusaka tidak dapat diurus segera kerana tidak lantik wasi atau (pentadbir). Seterusnya, ialah hutang si mati tidak dapat dilangsaikan oleh pewaris dan ketidakfahaman berlaku di antara ahli keluarga boleh berlaku pergeseran.

Seterusnya, pihak pengkaji mendapati pentingnya penulisan wasiat ini dalam kalangan umat Islam pada generasi kini. Isu yang diketengahkan di atas dapat menyedarkan pentingnya penulisan wasiat ini kerana wasiat adalah tuntutan syarak. Sehubungan dengan melalui penulisan wasiat ini, pewaris dapat melangsaikan hutang yang ditinggalkan oleh si mati kerana hutang dunia akhirat wajib dibayar. Dengan adanya penulisan wasiat ini pemilik harta dapat menyatakan pemberian harta secara terperinci malah memudahkan pemindahan milik harta terhadap ahli keluarga yang berhak. Oleh sebab itu, dengan wasiat ini harta dapat diberikan kepada orang yang disayangi walaupun bukan ahli keluarga si mati seperti anak angkat, cucu, ahli keluarga bukan Islam dan sebagainya.

Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, dapat memudahkan pengguna sama ada dalam kalangan komuniti mahupun pelajar dari jurusan kewangan dan perbankan islam. Inovasi yang bakal dihasilkan melalui kajian ini adalah membina laman sesawang berserta link terus ke pejabat yang bertanggungjawab menguruskan hal wasiat. Selain itu, untuk menekankan kesedaran tentang penulisan wasiat juga boleh merealisasikan inovasi digital poster yang ringkas dan padat berkenaan maklumat wasiat perlu dititikberatkan untuk dijadikan rujukan oleh pelajar-pelajar jurusan kewangan dan perbankan Islam serta kalangan komuniti. Konklusinya, umat Islam disyariatkan menulis wasiat sebelum meninggal dunia adalah bagi membantu menampung keperluan orang-orang fakir dan miskin yang tidak bernasib baik serta dapat mengeratkan silaturrahim dengan kaum kerabat yang tidak menerima harta pusaka. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa kelebihan penulisan wasiat dapat juga menyampaikan pesanan terakhir kepada ahli keluarga yang ditinggalkan oleh si mati.

1.4 OBJEKTIF PROJEK

1. Merangka templete wasiat digital.
2. Mewujudkan perantaraan secara langsung platform yang dicipta kepada pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan wasiat.

1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji pemilihan kaedah inovasi berasaskan laman web berserta link terus ke pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal wasiat.

Dengan adanya sistem ini, proses menguruskan hal wasiat dapat dijalankan dengan lebih efisien dan sistematik.

- a) Pemilihan syarikat yang terlibat seperti Bank Islam, Majlis Agama Negeri, Pejabat Peguam dan Amanah Raya Negeri dalam merealisasikan kajian mengenai isu dalam kalangan pelajar jurusan kewangan dan perbankan islam (DIB) serta komuniti tentang kurang dititikberatkan dalam penulisan wasiat.
- b) Pemilihan kaedah berasaskan laman web berserta link mempunyai kelebihan dan kekurangannya. Antara kelebihan kaedah ini ialah si penulis wasiat dapat menguruskan wasiat dengan mudah dan cepat seperti tidak perlu beratur lama untuk menguruskan wasiat di pejabat serta si penulis wasiat dapat berhubung dengan pihak yang bertanggungjawab dengan lebih mudah dengan adanya link terus ke pejabat pihak yang bertanggungjawab. Manakala kekurangan kaedah ini ialah masalah pelajar atau komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak dapat mengakses internet mahupun untuk melayari laman web ini serta komuniti golongan tua yang tidak tahu untuk menggunakan aplikasi laman web ini.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang syariah islamiah yang membincangkan berkaitan isu penulisan wasiat di Bank Islam, Majlis Agama Negeri, Pejabat Peguam dan Amanah Raya Negeri. Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar DIB serta komuniti adalah kurang dititikberatkan tentang penulisan wasiat untuk agihan harta supaya tidak dibekukan dalam jangka masa yang panjang oleh pihak yang bertanggungjawab dan memudahkan pengagihan harta si penulis wasiat. Kedua, mencadangkan kaedah berasaskan laman web beserta link beserta maklumat yang ringkas dan padat kepada pelajar DIB dan komuniti untuk memudahkan urusan dalam pengurusan wasiat malah dapat meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai wasiat.

Seterusnya, analisis ini pada hasilnya bertujuan menjawab objektif kedua iaitu mencadangkan laman web yang disertakan link terus ke pejabat yang bertanggungjawab menguruskan hal wasiat. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia dibataskan dari dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi kaedah berasaskan laman web beserta link. Manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

Perkataan wasiat adalah berasal daripada perkataan arab iaitu *wassa* yang bererti perjanjian atau membuat janji (Al-Fayumi, t.t). Dari sudut etimologi, wasiat juga merujuk kepada memerintahkan, menasihatkan, menjanjikan atau pemberian harta selepas mati. Zakiyuddin dan Ahmad al-Ghundur (1984) menjelaskan bahawa wasiat merangkumi dari segi pelbagai aspek yang diwasiatkan selepas kematian pewasiat termasuk pelantikan seorang wasi serta wasiat kepada rumah ibadat, cara pelaksanaan pembahagian harta pusaka dan sebagainya. Juga dinyatakan juga bahawa pewasiat boleh berhajat melalui pesanan, cara pembahagian harta, pembayaran hutang piutang, pengurusan anak-anak di bawah umur atau orang kurang upaya (OKU), pengurusan nafkah, pelantikan pemegang amanah (wasi), melaksanakan wakaf dan kebajikan dan sebagainya (Mustafa Al-Khin et al., 2012; Mat Johan et al., 2018). Secara ringkasnya, wasiat ini bermaksud menyampaikan. Hal ini merupakan kebaikan yang boleh dilakukan oleh seseorang semasa hidupnya dengan ganjaran pahala selepas orang tersebut meninggal dunia.

Muhamad Muizz Abdullah, Abdul Bari Awang & Nasrul Hisyam Nor Muhamad / UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies. vol. 8, no.1 (2021) pp. 55 - 74

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan penulisan wasiat ini difokuskan kepada pihak utama iaitu pihak Bank Islam, Majlis Agama Negeri, Pejabat Peguam dan Amanah Raya Negeri di mana kajian ini dijalankan. Hal ini kerana, pihak-pihak tersebut merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam penulisan wasiat dan menjadi orang tengah (wasi) dalam penulisan wasiat. Pihak-pihak tersebut akan bertanggungjawab seperti menjadi pemudah cara mengharmonikan benefesiari dan ahli waris dan sebagainya.

Seterusnya, kepentingan penulisan wasiat ini sangatlah penting kepada orang ramai. Menurut kajian Berita Harian 2017 mengatakan ‘90% Masyarakat Melayu Tidak Menulis Wasiat’ sertamasyarakat yang tidak mahu menulis wasiat kerana tidak tahu dan rumit. Jadi, dengan adanya bantuan laman web terus ini, ia dapat memberi manfaat kepada orang ramai dalam menguruskan penulisan wasiat serta masyarakat dapat mengetahui betapa pentingnya penulisan wasiat ini sekaligus meningkatkan kadar peratus untuk menulis wasiat.

Di samping itu, kepentingan penulisan wasiat dalam agama juga sudah dijelaskan. Secara amnya, masyarakat Islam mengetahui bahawa dalam Islam pembahagian harta pusaka akan berlaku selepas kematian dengan mengikut hukum Faraid. Jadi, masyarakat Islam hanya mengharapkan pelaksanaan hukum faraid yang telah ditetapkan oleh agama Islam berbanding melakukan persiapan awal pembahagian harta semasa hidup dalam menulis wasiat. Tanggapan ini perlu diubah, sedangkan perancangan awal harta adalah turut dituntut dalam agama Islam sebagaimana hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak sepatutnya seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu ingin diwasiatkan tidur dua malam melainkan dia menulis wasiat di sisinya.” (Hadith Riwayat Muslim)

Maka, dengan adanya laman web terus ini berharap ia dapat membuka mata orang ramai serta anak muda untuk kegunaan pada masa akan datang bahkan dapat menambah ilmu asas dalam hal penulisan wasiat. Hal ini amatlah penting kerana mengurus dan merancang harta adalah sangat digalakkan terutamanya dalam Islam.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu sistem pengurusan wasiat berdasarkan link dan templete mudah. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidikan, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan isu penulisan wasiat yang kurang dititikberatkan dalam kalangan komuniti serta pelajar jurusan perbankan Islam.

2.2.1 Kajian Berkaitan Pengurusan Wasiat

Terdapat beberapa kajian berkenaan pengurusan wasiat yang ditemui oleh penyelidik. Menurut kajian oleh Ainan Husnaa Muhammad Saifullah & Siti Mashitoh Mahamood (2020) menyatakan Amanah Raya Berhad (ARB) memainkan peranan yang signifikan dalam membantu umat Islam dari sudut perancangan dan pengurusan harta. Pada masa yang sama, masyarakat perlu menanam kesedaran tentang betapa pentingnya membuat perancangan awal mengenai pengagihan harta sebelum meninggal dunia bagi mengelakkan waris daripada berhadapan dengan masalah pengurusan pembahagian harta pusaka.

Selain itu, kajian oleh Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang & Nasrul Hisyam Nor Muhammad (2021) menyatakan instrumen wasiat dan wasayah kedua-duanya mempunyai kelebihan tersendiri dalam perancangan harta pusaka. Instrumen wasiat dan wasayah adalah saling melengkapi di antara satu sama lain. Kefahaman yang jelas terhadap konsep pelaksanaan dan hukum-hakamnya akan memudahkan urusan benefisiari selepas kematian pewasiat.

Seterusnya, menurut Nasrul Hisham Nor Muhamad (2017). Secara kesimpulannya, beliau menyatakan penulisan melalui wasiat merupakan antara perkara yang dituntut oleh Islam dalam urusan hal ehwal kehartaan khususnya sebagai instrumen perancangan harta. Wasiat diaplikasikan agar dapat memenuhi keperluan dan hasrat pemilik harta. Perlu ditekankan juga bahawa wasiat yang berkesan, selain dengan memenuhi rukun dan syaratnya, ialah yang dilakukan dengan melantik wasi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan wasiat tersebut.

Di samping itu, menurut Nor Adila et al. (2021) mengenai kajian yang dilakukan oleh beliau adalah wasiat Islam. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa, undang-undang wasiat Islam di Malaysia terdiri daripada undang-undang pentadbiran dan juga undang-undang substantif. Berdasarkan kajian ini, adalah tidak keterlaluan sekiranya penyelidik menyatakan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai prospek untuk mengeluarkan surat kuasa mentadbir atau Geran Probet ke atas harta wasiat orang Islam di Malaysia.

Akhir sekali, menurut Ain'Noor Liyana Binti Mat Johan et al. (2018) iaitu kajian mengenai strategi pelaksanaan wasiat yang efektif. Beliau menyatakan bahawa kajian ini telah mengengahkan isu berkaitan dengan pengurusan harta pusaka berwasiat di Malaysia. Isu utama yang dihadapi adalah kurangnya kefahaman, tiada kata sepakat dan maklumat mengenai wasiat tidak diketahui oleh ahli waris yang menyebabkan urusan pelaksanaan wasiat menjadi tertangguh. Seterusnya bagi mengatasi isu-isu tersebut, kajian ini juga telah menyenaraikan beberapa strategi penambahbaikan yang sewajarnya untuk dilaksanakan supaya isu dan masalah yang dihadapi dapat diatasi. Tambahan lagi, kerjasama daripada pelbagai pihak seperti pewasiat, penerima wasiat, ahli waris, pemegang amanah, pihak bank

dan pihak ketiga yang terlibat adalah sangat penting bagi mencapai satu objektif yang sama iaitu pengurusan pembahagian harta pusaka yang efektif, adil dan saksama.

2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi

Terdapat beberapa kajian berkenaan klasifikasi blog, website dan link yang ditemui oleh penyelidik. Menurut Kajian oleh Husni (2020) menyatakan teknik klasifikasi web tradisional tidak dapat diterapkan secara langsung terhadap blog kerana sering terjadinya *update* terhadap isi dan variasi topik pada suatu situs blog. Pada awal kemunculan blog, klasifikasi biner digunakan untuk membedakan blog dari halaman web biasa. Kajian ini perlu diperluas dan diperdalam, seperti keterlibatan lebih lanjut dari tag, link dan analisi jaringan sosial.

Selanjutnya, kajian Hejrahtul Amani Halim & Zakirah Othman (2016) mengenai laman web merupakan sistem informasi yang dapat diakses secara cepat dan meluas. Laman web menjadi trend dan digunakan sebagai salah satu strategi untuk mempromosikan sesuatu perniagaan.

Seterusnya, menurut Noor Fazlinda Binti Othman (2010) mengenai kajian yang dilakukan oleh beliau adalah penggunaan blog dalam pendidikan dapat membantu pelajar secara talian dengan guru atau rakan. Pelajar boleh menggunakan blog sebagai medium untuk belajar dengan cara mencari maklumat ataupun berkongsi maklumat dengan pengguna blog yang lain. Kajian ini menunjukkan pelajar perlu menggunakan blog dalam aktiviti pembelajaran supaya menghasilkan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan efisien.

Selain itu, menurut kajian Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Rosemah Abd. Rauf menyatakan dalam kajian bahawa penggunaan teknologi baharu memberi implikasi diakui menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan serta menyumbang kepada kelancaran pendidikan melibatkan semua mata pelajaran. Pembinaan laman web selaras dengan inovasi pengajaran terkini dapat membantu guru menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada pelajar.

Akhir sekali, setakat tinjauan penyelidik terdapat kajian mengenai penggunaan aplikasi web 2.0 oleh Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norina Wan Hamat & Nor Khayati Basir (2019) mengenai penggunaan web 2.0 dalam pendidikan semakin berkembang dengan adanya kepelbagaian aplikasi web 2.0 yang disediakan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik juga membangun portal untuk menilai kebolegunaan portal kepada pelajar. Oleh itu, portal yang dibangunkan ini boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan sistem pengurusan wasiat menggunakan link terus dan templet mudah sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah penerangan tentang latar produk yang ingin dihasilkan. Produk yang ingin dihasilkan ini bertujuan untuk memudahkan proses menguruskan hal wasiat dengan lebih efisien dan sistematik. Produk ini akan dihasilkan dengan bertemakan teknologi media dan IT. Produk ini juga sesuai digunakan dari lapisan masyarakat dan untuk masa akan datang dengan adanya bantuan kemudahan teknologi di negara yang kian maju. Sebagai contoh, orang ramai tidak perlu lagi bimbang dan bersusah payah untuk menguruskan hal wasiat kerana hanya klik sistem link terus ini ia dapat memudahkan urusan menulis wasiat dengan pihak yang bertanggungjawab serta menjimatkan kos, masa dan tenaga.


3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan inovasi) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data seperti membuat pemerhatian, mengedarkan borang soal selidik serta menganalisis kandungan.

3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi


Dalam penyelidikan mengenai isu penulisan wasiat yang kurang dititikberatkan dalam kalangan segelintir komuniti dan pelajar jurusan perbankan Islam. Sehubungan dengan itu, analisis keperluan kajian berdasarkan soal selidik yang diedarkan dalam kalangan komuniti serta pelajar jurusan perbankan Islam dan juga melalui temubual bersama pengurus cawangan Bank Islam, Tanjung Malim di Perak, tujuan penyelidikan ini dilakukan bagi memastikan isu ini dapat dikenalpasti melalui borang soal selidik yang dilakukan secara atas talian. Secara terperinci, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kefahaman golongan komuniti mahupun pelajar jurusan perbankan Islam tentang prosedur yang betul dan mudah dalam menulis wasiat. Dalam konteks ini, bagi mewujudkan sebuah kaedah yang dapat memenuhi kefahaman mereka dalam menulis wasiat adalah melalui analisis keperluan kajian yang dijalankan ke atas 115 orang komuniti dan 40 orang pelajar jurusan perbankan Islam. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, pengumpulan data dilakukan melalui borang soal selidik secara atas talian. Tambahan pula, terdapat dua analisis keperluan kajian yang berbeza dilaksanakan terhadap golongan komuniti dan juga golongan pelajar jurusan perbankan Islam. Ini adalah satu pendekatan alternatif yang dapat dilaksanakan bagi mengenal pasti kefahaman mereka terhadap isu kajian ini.

i) Soal selidik dari kalangan komuniti




Rajah 3.2.1: Adakah golongan komuniti tahu apa itu wasiat

Di samping itu, data kualitatif daripada soal selidik yang dikumpul oleh 115 orang komuniti dan dianalisis untuk mengenalpasti tahap kefahaman mereka dalam menulis wasiat dengan betul. Namun begitu, analisis data mengenalpasti dua jawapan utama iaitu ya atau tidak. Sehubungan dengan itu, berwarna biru melambangkan jawapan ya bagi pertanyaan diatas manakala jawapan tidak berwarna merah. Berdasarkan graf pai dari sudut peratusan yang dinyatakan dalam rajah di atas, jawapan ya menunjukkan peratus yang tinggi sebanyak 96.5 % berbanding jawapan tidak sebanyak 3.5 %. Secara keseluruhannya, analisis keperluan yang dilakukan menunjukkan bahawa golongan komuniti tahu apa itu wasiat.



Rajah 3.2.2: Adakah golongan komuniti menganggap proses penulisan wasiat ini rumit

Selanjutnya, data kualitatif dalam mengenalpasti sama ada dalam kalangan komuniti menganggap proses penulisan wasiat ini rumit kepada mereka yang dilakukan daripada kajian analisis melalui borang soal selidik. Ekoran daripada warna yang digambarkan dalam graf pai, warna biru adalah jawapan ya bagi persoalan di atas manakala warna merah adalah tidak. Berdasarkan rajah yang digambarkan terdapat dua perspektif jawapan yang berbeza, antaranya ya atau tidak. Graf pai menunjukkan analisis data untuk jawapan ya adalah paling tinggi yang mempunyai nilai sebanyak 78.3 % berbanding data untuk jawapan tidak 21.7% bagi mengenalpasti adakah penulisan wasiat ini rumit kepada mereka. Konklusinya, golongan komuniti bersetuju bahawa penulisan wasiat itu adalah proses yang rumit. Tindakan kesedaran perlu dipergiatkan dalam kalangan komuniti mengenai menulis wasiat dengan betul untuk mengalakkan serta penting untuk mereka yang berusia agar dapat mewasiatkan harta kepada orang tersayang sebelum mati. Tambahan pula, kesedaran ini dapat mendidik anak-anak muda bagi melahirkan generasi bijak dalam menulis wasiat.




Rajah 3.2.3: Adakah golongan komuniti berminat untuk mempelajari tentang penulisan wasiat

Seterusnya, data kualitatif dalam mengenalpasti adakah golongan komuniti berminat untuk mempelajari tentang penulisan wasiat dan cara menguruskan harta mereka dengan meninggalkan wasiat kepada pewaris. Berdasarkan soal selidik yang dilakukan ke atas 115 golongan komuniti, data kualitatif bagi jawapan ya yang berwarna biru adalah peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 91.3 % berbanding jawapan tidak yang berwarna merah sebanyak 8.7 % seperti dinyatakan dalam graf pai di atas. Ini menunjukkan bukti bahawa golongan komuniti sedar akan kekurangan dalam mempelajari ilmu menulis wasiat dengan betul pada usia muda. Namun begitu, kini golongan komuniti berminat untuk mempelajari ilmu wasiat bagi ‘tidak ditelan zaman’ serta tidak mahu harta mereka dibekukan tanpa sebarang wasiat dikemukakan oleh pewaris.

Jadual : Keputusan selepas menjalankan soal selidik dalam kalangan komuniti


KEFAHAMAN SOALAN	(YA)	(TIDAK)
1. Adakah golongan komuniti tahu apa itu wasiat?	96.5%	3.5%
2. Adakah golongan komuniti menganggap proses penulisan wasiat itu rumit	78.3%	21.7%
3. Adakah golongan komuniti berminat untuk mempelajari tentang penulisan wasiat?	91.3%	8.7%

ii) Soal selidik dari kalangan pelajar jurusan perbankan Islam




Rajah 3.2.4: Berapakah tahap kefahaman golongan pelajar tentang penulisan wasiat

Tindak balas 40 responden dari kalangan pelajar jurusan perbankan Islam dalam mengenal pasti tahap kefahaman tentang penulisan wasiat. Berdasarkan rajah diatas, terdapat lima data utama iaitu data pertama menunjukkan sebanyak 3(7.5%) manakala kedua sebanyak 2(5%). Di samping itu, sebanyak 10(25%) yang dinyatakan pada data ketiga. Selanjutnya, data kualitatif bagi keempat ialah sebanyak 16(40%) dan diikuti data kelima sebanyak 9(22.5%). Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa, data keempat menunjukkan paling tertinggi berbanding lain yang dapat dikumpul daripada tindak balas responden dalam kalangan pelajar jurusan perbankan Islam. Menyedar hakikat di atas, kebanyakan kalangan pelajar memilih data keempat iaitu fasa yang baik sebagai pilihan jawapan bagi soalan tahap kefahaman mereka terhadap prosedur dalam menulis wasiat dengan betul.



Rajah 3.2.5: Adakah penulisan wasiat ini penting kepada golongan muda dalam kalangan pelajar

Dalam kata lain, bagi analisis keperluan dalam mengenalpasti adakah penulisan wasiat ini penting kepada golongan muda kini. Berdasarkan graf bar mengenai analisis yang dinyatakan diatas, mempunyai dua pilihan jawapan sama ada ya atau tidak. Rajah di atas menunjukkan pilihan jawapan ya adalah sebanyak 36 paling banyak dipilih oleh golongan pelajar jurusan perbankan Islam berbanding pilihan jawapan tidak sebanyak 4. Ini menunjukkan bahawa sebilangan pelajar menganggap pentingnya ilmu menulis wasiat dengan prosedur yang betul dengan cara mudah agar golongan pelajar dapat menguruskan harta mereka dengan baik agar tidak dibiarkan dibekukan oleh pihak bertanggungjawab seperti pihak hartanah sekiranya tiada sebarang wasiat dikemukakan untuk pada masa akan datang.



Rajah 3.2.6: Adakah golongan pelajar berminat untuk mempelajari tentang penulisan wasiat dan cara menguruskan

Akhir sekali, data kualitatif dalam kalangan pelajar tentang minat mereka untuk mempelajari ilmu wasiat dan cara menguruskan harta mereka melalui penulisan wasiat yang telah ditetapkan. Namun begitu, terdapat dua pilihan jawapan bagi persoalan di atas iaitu ya atau tidak. Kebanyakan dalam kalangan pelajar menyatakan mereka mempunyai minat dalam mempelajarinya serta mendalami ilmu menulis wasiat dengan betul. Oleh hal demikian, data menunjukkan pilihan jawapan ya sebanyak 36 adalah paling tinggi yang dinyatakan oleh golongan pelajar jurusan perbankan Islam berbanding tidak iaitu sebanyak 4.

Jadual : Keputusan selepas menjalankan soal selidik dalam kalangan pelajar jurusan perbankan Islam

KEFAHAMAN SOALAN	1 (Sangat Tidak Baik)	2 (Tidak Baik)	3 (Kurang Baik)	4 (Baik)	5 (Sangat Baik)
1. Berapakah tahap kefahaman golongan pelajar tentang penulisan wasiat?	3(7.5%)	2(5%)	10(25%)	16(40%)	9(22.5%)

KEFAHAMAN SOALAN	(YA)	(TIDAK)
2. Adakah penulisan wasiat ini penting kepada golongan muda dalam kalangan pelajar?	36	4
3. Adakah golongan pelajar berminat untuk mempelajari tentang penulisan wasiat dan cara menguruskan?	36	4

Bagi mengukuhkan lagi berkenaan isu kajian ini perlu dititikberatkan dalam kalangan komuniti dan pelajar jurusan perbankan Islam agar tiada peningkatan harta yang dibekukan di Malaysia pada setiap tahun. Sebagai tambahan, penyelidikan ini melalui temubual dilakukan terhadap pihak Bank Islam yang terletak di Tanjung Malim, Perak. Terdapat beberapa soalan mengenai penulisan wasiat serta cara pengurusannya yang dikemukakan melalui soal selidik terhadap pengurus cawangan Bank Islam Tanjung Malim ialah Tuan Mohd Azrul Bin Abdul Latif selaku bukti dalam temubual.

Seterusnya, soalan pertama yang dikemukakan terhadap pengurus Bank Islam ialah mengenai proses pengurusan wasiat yang dijalankan oleh pihak Bank Islam, antaranya Pejabat Peguam atau Pejabat Agama Islam, proses yang dilakukan adalah dengan mendaftarkan melalui link mudah untuk penulisan wasiat yang disediakan oleh pihak mereka. Ini adalah salah satu alternatif yang mudah yang boleh dipraktikkan oleh golongan komuniti mahupun pelajar jurusan perbankan Islam. Melalui kaedah ini yang diterbitkan oleh pihak Bank Islam dapat memudahkan dalam menguruskan harta mereka dengan cara menulis wasiat.

Di samping itu, soalan kedua ialah adakah pihak Bank Islam melaksanakan program bekerjasama dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam merealisasikan pengurusan wasiat. Sebagai contoh, pihak yang terlibat dalam bekerjasama dengan pihak Bank Islam adalah Amanah Raya. Amanah Raya adalah satu perbadanan yang menawarkan perkhidmatan mengurus harta dengan cara menulis wasiat melalui prosedur yang betul. Penghasilan kerjasama ini dapat membantu mereka mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab mengurus wasiat ini. Selain itu, pihak Bank Islam dapat menambah lebih ramai pelanggan dan turut dikenali dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan melalui kerjasama antara Bank Islam dan Amanah Raya.

Selanjutnya, soalan ketiga yang dikemukakan adalah mengenai tempoh yang diambil oleh pihak Bank Islam dan Amanah Raya dalam menguruskan isu hal wasiat. Bagi menjawab persoalan itu, masa yang diambil iaitu selama 14 minggu mengikut seperti prosedur penulisan wasiat yang telah ditetapkan. Dengan ini, golongan komuniti dan pelajar jurusan perbankan Islam seharusnya mengambil peluang ini dengan menggunakan perkhidmatan menulis wasiat terhadap harta yang dimiliki oleh mereka melalui link yang disediakan dari hasil kerjasama pihak Bank Islam dan Amanah Raya bagi mengelakkan harta dibekukan atau dibiarkan.

Antara persoalan seterusnya ialah pendapat berkaitan isu penulisan wasiat yang kurang dititikberatkan dalam kalangan komuniti mahupun pelajar jurusan perbankan Islam oleh pihak Bank Islam sendiri. Menurut pengurus cawangan Bank Islam Tanjung Malim, Tuan Mohd Azrul Bin Abdul Latif menyatakan bahawa sebanyak 50 bilion harta di Malaysia yang terbiar atau dibiarkan dibekukan oleh pihak bertanggungjawab seperti Amanah Raya. Ini berlaku disebabkan tidak mengambil berat tentang ilmu wasiat serta mereka tidak tahu pihak atau perbadanan yang menawarkan khidmat menulis wasiat. Bertitik tolak kenyataan di atas, penulisan wasiat ini amat penting terutama pada golongan ini agar dapat mewasiat harta mereka terutamanya kepada orang tersayang serta dapat melangsaikan hutang selepas mati. Akhir kata, golongan komuniti dan golongan jurusan perbankan Islam perlu membuat pilihan yang bijak dengan mati berwasiat.

3.3 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk link terus.

Langkah 1

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan.



Rajah 3.3.1: Perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan

Pengkaji membuat perbincangan untuk merancang tugas, memilih tajuk dan mengagihkan tugas.

Langkah 2

Langkah kedua, berjumpa dengan pihak yang berkerjasama untuk menjayakan produk inovasi seperti Bank Islam.




Rajah 3.3.2: Berjumpa dengan wakil pihak Bank Islam

Pengkaji berjumpa dengan pihak Bank Islam Tuan Mohd Azrul Bin Abdul Latif (Branch Manager Tanjung Malim) untuk menanyakan proses pengurusan wasiat yang dilakukan oleh pihak Bank Islam.

Langkah 3

Langkah ketiga , melakukan proses pembinaan produk inovasi di *website* dan mengetahui cara penerbitan produk inovasi.



Rajah 3.3.3: Mula membina produk inovasi

Pengkaji melakukan proses membina link mudah dan templet digital dengan menggunakan aplikasi canva dan blogger. Seterusnya, pengkaji membina *website* untuk mengumpulkan link mudah dan mengiklankan templet digital.

Langkah 4

Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji mengenal pasti masalah *website* dan templet digital untuk ditambahkan maklumat.



Rajah 3.3.4: Mengenal pasti masalah yang ada di *website*

Pengkaji melakukan penambahan maklumat di dalam *website* untuk melengkapkan isi kandungan produk inovasi sebelum di war-warkan di media sosial.

Langkah 5

Setelah langkah ke-4 siap dilakukan, pengkaji mewarwarkan iklan di aplikasi *Facebook*, *Whatsapp* dan lain-lain aplikasi.




Rajah 3.3.5: War-warkan di media sosial

Pengkaji mula menyebarkan produk inovasi untuk mengetahui bahawa produk inovasi boleh digunakan ataupun mempunyai masalah untuk menklik link yang disediakan dan melihat templet digital yang disediakan.

Langkah 6

Seterusnya, pengkaji memperbaharui maklumat yang ada pada link mudah atau terus kepada pihak yang bertanggungjawab yang menguruskan hal berkaitan pengurusan wasiat.



Rajah 3.3.6: Memperbaharui dan menambahkan keunikan *website*

Pengkaji mula mempertingkatkan cara mengakses link-link yang disediakan untuk memudahkan pengguna ketika *website* ditubuhkan dan menambahkan keunikan di dalam *website* untuk menarik minat pengguna dalam mengetahui cara pengurusan wasiat.

Langkah 7

Selain itu, pengkaji menambahkan Video pendek untuk memudahkan pengguna memahami isi kandungan *webiste* yang ditubuhkan.




Rajah 3.3.7: Video pendek diterbitkan di *website*

Pengkaji melakukan proses memperbaiki *website* dengan menubuhkan video pendek untuk menambahkan kefahaman pengguna dan menyatakan kebaikan *website* kepada orang ramai.

Langkah 8

Setelah Langkah 7 siap, produk inovasi siap dan diedarkan kepada orang ramai untuk kegunaan orang ramai.



Rajah 3.3.8: produk inovasi ditubuhkan dan sedia digunakan

Pengkaji mula mewarwarkan produk inovasi untuk kegunaan komuniti dan pelajar DIB dalam pengurusan wasiat.

3.4 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan sistem link mudah dan templet digital seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data
2.	Data / <i>Internet</i>	Digunakan untuk melakukan pembangunan <i>website</i> dan pencarian maklumat mengenai produk inovasi
3.	<i>Printer</i>	Digunakan untuk memberi borang selidik kepada pihak yang berkenan bagi mengisi maklumat secara bertulis sewaktu temuduga
4.	Buku dan alat tulis	Digunakan untuk mencatat maklumat sewaktu temuduga
5.	Pemacu maklumat	Digunakan untuk menyimpan semua data
6.	Telefon pintar peribadi	Digunakan untuk mengakses maklumat sistem pengkalan data

3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (*strengths, weaknesses, opportunities, threats*).

SWOT adalah singkatan dari *Strengths*(kekuatan), *Weaknesses*(kelemahan), *Opportunities* (peluang), dan *Threats*(ancaman), dimana ia dapat menganalisis sesebuah organisasi dalam menentukan untung dan tidak untung untuk tujuan mengenalpasti keadaan sesebuah organisasi dengan lebih terperinci, Irham Fahmi, (2015). Menurut Erwin Suryatama (2016:130), analisis SWOT merupakan proses perencanaan yang membantu penyelidikan pengkaji untuk mengatasi masalah dan menentukan apa yang harus di tuju secara keseluruhan. Tujuan utama dari analisis SWOT adalah untuk membantu mengembangkan kesedaran penuh dari semua faktor yang terlibat dalam pengambilan keputusan kajian. Oleh itu, dengan menggunakan analisis SWOT, kajian ini dapat dijalankan dengan lebih sistematik untuk mengetahui sama ada inovasi yang dihasilkan dapat mencapai keperluan pengguna.

Di samping itu, sebagai definisi bagi *strengths*(kekuatan) adalah merujuk kepada kelebihan, kebolehan, atau keistimewaan dalam produk yang dihasilkan untuk menunjukkan perbezaan atau keunikan bagi sesebuah produk. Dalam kajian ini, *strengths*(kekuatan) merupakan senjata bagi produk yang dikeluarkan untuk menunjukkan perbandingan diantara produk yang lainnya. Selain itu, *weaknesses*(kelemahan) merupakan kekurangan dari pelbagai aspek yang menjadi penghalang bagi penampilan produk yang dihasilkan. Berdasarkan kajian yang dijalankan, *weaknesses* (kelemahan) ini dilihat dari segi penggunaan teknologi yang menggunakan *internet* tetapi tidak dapat digunakan dengan baik oleh pengguna yang sambungan *internet* nya kurang memuaskan. Seterusnya, *opportunities*(peluang) pula merujuk kepada potensi sesebuah produk yang dihasilkan untuk mengembangkannya supaya dapat memudahkan serta memuaskan pengguna. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan penemuan serta produk inovatif baru yang dapat dikenalpasti dalam komuniti kini untuk dimanfaatkan. Justeru, *threats*(ancaman) melibatkan faktor-faktor yang perlu dititikberatkan

yang boleh mengganggu kemajuan produk yang dihasilkan. Ancaman juga merujuk kepada risiko yang perlu dihadapi jika sebarang halangan timbul.

Berdasarkan analisis SWOT ini, pengkaji lebih mudah mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang terdapat pada inovasi yang dihasilkan. Pengkaji memilih menghasilkan inovasi sistem link mudah dalam pengurusan wasiat ini dengan menggunakan SWOT adalah untuk menguji tahap keberkesanan yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai yang masih kurang pengetahuan tentang pengurusan wasiat ini. Dengan menggunakan analisis SWOT, data-data yang telah kumpul dalam kajian ini juga dapat memberi kesan positif dalam penghasilan produk. Oleh itu, pengkaji dapat memanfaatkan kekuatan untuk lebih fokus pada masa akan datang dan mengakui kelemahan supaya lebih berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan strategi dalam mencapai objektif kajian. Manakala melihat peluang yang ada untuk mengembangkan kemampuan produk supaya lebih maju ke hadapan, dan menyedari ancaman kerana ia merupakan cabaran yang perlu di hadapi dan pengkaji dapat menilai risiko dalam kajian ini untuk lebih bersedia dalam memutuskan tindak balas yang strategik. Justeru itu, berdasarkan analisis SWOT yang digunakan dalam kajian bagi pengurusan wasiat ini juga dapat memberi impak yang positif kerana jika dilihat pada kes-kes yang telah berlaku dalam wasiat ini, ia melibatkan perselisihan faham di antara waris dan pertikaian ke atas wasiat yang dibuat oleh pewasiat semasa masih hidup (Muhammad Nabeel Alia et al.,2016).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini menunjukkan hasil dapatan daripada kajian yang telah dilaksanakan bagi produk inovasi yang telah dihasilkan serta beberapa perbincangan yang merangkumi daripada kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 Projek Jenis Nyata

Projek yang dijalankan ini merupakan projek jenis nyata. Sebelum sistem link mudah untuk pengurusan wasiat ini dicipta oleh pengkaji, komuniti kini tidak mengetahui bagaimana hendak menguruskan wasiat dengan betul sehingga menjadikan wasiat ini perkara yang tidak dititikberatkan. Oleh yang demikian, pengkaji telah mencipta sistem baharu iaitu link terus serta templet untuk memudahkan komuniti kini memahami cara untuk menguruskan wasiat dengan berkesan. Sepanjang tempoh pengujian sistem ini, keberkesanan kepada sistem link mudah ini telah dibuktikan apabila ianya dapat memberi manfaat yang mudah untuk semua golongan sama ada dari segi ilmu pengetahuan ataupun cara pengurusannya.

a) Analisis SWOT

Kajian ini menggunakan analisis SWOT sebagai instrumen untuk menganalisis dapatan kajian yang telah dilakukan. Jadual dibawah menunjukkan analisis SWOT dalam kajian.

Jadual 4.1 : Dapatan kajian yang menggunakan analisis SWOT

Strengths	Weaknesses
Dapat menjimatkan masa dan tenaga pengguna hanya dengan menekan link mudah ini lalu ianya dapat berhubung terus dengan semua agensi yang terlibat dalam pengurusan wasiat.	Link mudah untuk pengurusan wasiat ini perlu menggunakan peranti dan internet serta bergantung kepada pencapaian internet yang bagus.
Opportunities	Threats
Dapat menyebarkan maklumat tentang pengurusan wasiat secara mudah dan berkesan di pelbagai platform media sosial supaya dapat menarik minat ramai orang.	Wujudnya pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah mencipta website dengan memalsukan maklumat berkaitan wasiat.

Berdasarkan jadual 4.1 di atas menunjukkan analisis SWOT bagi kajian produk yang telah dihasilkan. Berikut menunjukkan *strengths* iaitu kekuatan yang terdapat di dalam kajian ini ialah apabila menggunakan link mudah ini, ia dapat menjimatkan masa, tenaga dan pengetahuan yang luas tentang cara pengurusan wasiat ini kerana tidak perlu bersusah payah ke agensi terlibat untuk pertanyaan borang dan sebagainya. Seterusnya, *weaknesses* iaitu kelemahan daripada penghasilan produk ini ialah apabila ingin menggunakan link ini tetapi sesetengah golongan tidak cekap menggunakan peranti atau telefon bimbit serta tiada akses internet. Disamping itu, *opportunity* ataupun peluang juga dapat dilihat dalam kajian ini kerana pada era teknologi yang semakin maju ini, ramai orang serta golongan muda menggunakan sosial media dalam kehidupan seharian, justeru itu, link mudah serta templet yang dihasilkan ini dapat di siarkan dan di sebarkan dengan mudah. Akhir sekali, *threats* iaitu ancaman yang dikesan daripada kajian ini ialah terdapat beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah mencipta website dengan memalsukan maklumat-maklumat yang penting berkaitan wasiat menyebabkan pengguna akan keliru.

b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 30 orang responden. Sebanyak 5 item telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas terhadap sistem link mudah untuk pengurusan wasiat yang telah dihasilkan.

Jadual 4.2 : Dapatan analisis keberkesanan produk bagi sistem link mudah dalam pengurusan wasiat.

SOALAN \ KEPUASAN	1 (Sangat tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Kurang Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1. Adakah sistem link mudah dan templet digital ini membantu anda dalam pengurusan wasiat ?	0	0	0	10%	90%
2. Adakah anda berpuas hati dengan maklumat yang telah disediakan di dalam sistem link mudah ini ?	0	0	3.3%	36.7%	60%
3. Adakah maklumat pada poster yang telah diiklankan lengkap serta difahami oleh anda ?	0	0	10%	43.3%	46.7%
4. Adakah sistem link mudah ini dapat menarik minat anda serta golongan muda pada masa akan datang untuk membuat pengurusan wasiat ?	0	0	0	23.3%	76.7%
5. Adakah dengan menggunakan sistem link mudah ini, anda dapat menjimatkan masa, tenaga dan juga ilmu pengetahuan yang luas dalam	0	0	0	20%	80%

pengurusan wasiat ?					
---------------------	--	--	--	--	--

Berdasarkan jadual 2.1 di atas menunjukkan sebanyak 90% responden sangat setuju bahawa produk inovasi yang disediakan membantu untuk pengurusan wasiat manakala 10% lagi responden setuju. Seterusnya, terdapat 60% responden sangat setuju kerana berpuas hati dengan maklumat yang telah disediakan di dalam sistem link mudah ini dan 36.7% responden setuju manakala sebanyak 3.3% responden lagi kurang setuju. Bagi soalan nombor tiga pula, seramai 46.7% responden sangat setuju dengan maklumat yang terdapat di dalam templet digital dan seramai 43.3% responden bersetuju, manakala lagi 10% responden kurang bersetuju. Di samping itu, terdapat 76.7% responden sangat setuju bahawa sistem ini dapat menarik minat ramaimorang untuk menguruskan wasiat manakala lagi 23.3% responden bersetuju. Akhir sekali, seramai 80% responden sangat bersetuju bahawa dengan menggunakan sistem link mudah ini, mereka dapat menjimatkan masa, tenaga dan juga ilmu pengetahuan yang luas dalam pengurusan wasiat manakala seramai 20% lagi responden bersetuju.

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPAI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Penggunaan sistem link terus dan digital templet ini telah membantu ke arah penjimatan kos dari segi pengurusan mengenai proses wasiat berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Jadual 4.1 : Jadual impak produk terhadap kod

BUTIRAN	SEBELUM	SELEPAS
Kos duit minyak	RM30	-
Kos kredit telefon bimbit	RM10	-

b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan sistem link terus dan digital templet ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi pengurusan inventori berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Jadual 4.2 : Jadual impak produk terhadap masa

BUTIRAN	SEBELUM	SELEPAS
Masa Pertanyaan tentang wasiat	1 hari	30 minit
Masa untuk berhubung dengan pihak yang bertanggungjawab	3 hari	1 hari
Masa pelanggan untuk mengenalpasti proses pengurusan wasiat	3 hari	1 hari

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan sistem link terus atau digital templet dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pihak pelanggan mahupun pekerja hal ini kerana produk link terus dan digital templet ini amat mudah digunakan dan dikendalikan di mana jua.

Jadual 4.3:

ASPEK	SEBELUM	SELEPAS
Kecekapan	Memuaskan	Amat Memuaskan
Kemudahan	Memuaskan	Amat Memuaskan
Keberkesanan	Memuaskan	Amat Memuaskan

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses penghasilan produk inovasi iaitu sistem link terus dan digital templet.

Jadual 4.4:

BIL.	BUTIRAN	KOS (RM)	
		Kad Inovasi Harga 1	Kad Inovasi Harga 2
1	Kertas A4	RM8.00	RM16.00
2	Pemacu maklumat	RM23.90	RM47.8
3	Data/ <i>Internet</i>	RM58	RM232
4	<i>Printer</i>	RM350	RM350
5	Alat tulis	RM10	RM30

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk berasaskan sistem link mudah yang dibangunkan bagi menyelesaikan isu mengenai penulisan wasiat kurang dititikberatkan dalam kalangan komuniti serta pelajar jurusan perbankan Islam. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah berjaya menghasilkan alternatif secara digital yang dapat membantu pewasiat untuk menguruskan harta mereka melalui penulisan wasiat. Secara tidak langsung, kajian ini telah mencapai matlamat kajian, menjawab persoalan kajian serta memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan di awal kajian. Di samping itu, hasil dapatan kajian jelas didapati bahawa beberapa faktor yang timbul berkenaan isu ini kurang ilmu pengetahuan tentang prosedur yang betul dalam menulis wasiat di kalangan komuniti mahupun pelajar jurusan perbankan Islam. Malahan, ini turut memberi kesan terhadap peningkatan kadar purata harta dibekukan di Malaysia oleh sebab tiada sebarang penulisan wasiat yang dikemukakan oleh pewaris si mati.

Selain itu, terdapat beberapa proses semasa membangunkan produk yang bertujuan untuk memberi inisiatif kepada pengguna dalam menulis wasiat malah mempunyai tujuh langkah untuk membentuk produk inovasi kajian. Tambahan itu, setiap fasa pembentukan produk itu akan diulas dengan lebih lanjut bagi setiap langkah yang dilakukan oleh pengkaji. Bagi menghasilkan inovasi secara berkesan, produk ini juga diambil kira dari pelbagai faktor antaranya dilakukan melalui aplikasi atas talian bagi mengikut peredaran teknologi yang semakin canggih serta mengalakkan pengguna untuk menulis wasiat dengan cara yang mudah.

Seterusnya, hasil dapatan kajian daripada keberkesanan produk yang dihasilkan menunjukkan respon yang positif dari kalangan komuniti dan pelajar jurusan perbankan Islam. Bagi mengukuhkan tahap keberkesanan produk ini, analisis dilakukan oleh pengkaji bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang terdapat pada inovasi yang dihasilkan. Analisis SWOT digunakan terhadap inovasi sistem link mudah dalam pengurusan wasiat bagi memperbaiki kelemahan yang terdapat pada inovasi ini melalui memanfaatkan kekuatan inovasi untuk lebih fokus bagi mencapai objektif kajian pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, sentiasa mencari peluang dalam mempromosi serta menarik pengguna kepada inovasi yang dihasilkan untuk memudahkan mereka iaitu mengurus wasiat melalui secara atas talian. Walau bagaimanapun, ancaman dalam penghasilan inovasi ini perlu dikenalpasti segera supaya dapat di ambil tindakan dengan mempertingkatkan sistem inovasi yang dihasilkan dengan menambahkan beberapa maklumat baru serta penggunaan warna yang menarik.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pihak Bank Islam, Majlis Agama Negeri, Pejabat Peguam, Amanah Raya Negeri, para pelajar yang terlibat terutamanya pelajar jurusan kewangan dan perbankan islam (DIB) serta pihak komuniti.

5.3.1 Cadangan kepada pihak Bank Islam

Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang dapat diberikan kepada pihak yang banyak membantu dalam menghasilkan projek ini iaitu pihak Bank Islam. Antara cadangannya ialah pihak Bank Islam boleh menguar-uarkan sistem link mudah ini kepada para pelanggan supaya para pelanggan lebih mudah untuk mendapatkan maklumat dan mengetahui pihak yang terlibat dalam menguruskan wasiat.

5.3.2 Cadangan kepada pelajar, pengguna dan komuniti

Selain itu, terdapat beberapa cadangan hasil daripada kajian ini yang boleh membantu para pelajar yang terlibat, para pengguna link dan komuniti. Cadangan untuk pelajar yang terlibat

terutamanya pelajar jurusan kewangan dan perbankan islam (DIB) ialah pelajar boleh ketengahkan kaedah sistem link terus ini dalam silibus berkaitan pengurusan wasiat sebagai rujukan tambahan bagi memudahkan para pelajar untuk faham tentang kaedah yang digunakan dalam link tersebut. Manakala, untuk pihak pengguna dan komuniti, cadangan yang dikemukakan ialah para pengguna link boleh memberi komen dari sudut positif mahupun negatif di link kajian untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, golongan pengguna dan komuniti boleh turut berkongsi sistem link mudah ini kepada orang awam supaya lebih ramai yang tahu tentang pengurusan wasiat dengan cara yang mudah seterusnya dapat menarik minat orang awam untuk berwasiat.

5.3.3 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang

Di samping itu, cadangan pengkaji pada masa akan datang hasil daripada kajian ini ialah sentiasa memperbaharui inovasi mengikut peredaran teknologi semasa seperti meningkatkan keberkesanan kaedah yang digunakan, meningkatkan mutu link dan menambahbaikan sistem dari segi maklumat dan link. Hal ini supaya generasi akan datang tetap dapat menggunakan sistem link mudah ini dengan lebih efektif bersama maklumat yang padat untuk mengetahui sistem pengurusan wasiat dan minat untuk melakukan wasiat.

5.4 LIMITASI PROJEK (Kekangan Kajian)

Kajian ini dijalankan hanya berfokuskan pihak yang menguruskan wasiat dan laman web sahaja. Skop kajian ini hanya tertumpu kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak Bank Islam, Majlis Agama Negeri, Pejabat Peguam, Amanah Raya Negeri, para pelajar yang terlibat terutamanya pelajar jurusan kewangan dan perbankan islam (DIB) serta segelintir pihak komuniti. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan penggunaan sistem pengurusan wasiat berdasarkan link mudah.

Antara faktornya ialah ketika seluruh negara telah melanda wabak penyakit yang merbahaya iaitu virus Covid-19 yang boleh membawa maut mengakibatkan had batasan untuk melakukan kajian terpaksa dibataskan mengikut cara yang sesuai di fasa endemik ini. Jadi,

pengkaji telah melakukan kaedah dalam talian seperti menggunakan GoogleDoc untuk responden menjawab borong soal selidik dan menggunakan platform WhatsApp, Facebook dan Instagram untuk menghebahkan sistem link mudah berbanding berjumpa responden secara bersemuka atas kekangan tersebut.

Seterusnya, faktor kesihatan juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk bergerak untuk melakukan kajian bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas daripada pihak yang terlibat. Pengkaji hanya boleh berjumpa sesetengah pihak sahaja bagi mewakili pihak yang terlibat untuk di temu bual dan mendapatkan maklumat tentang kajian yang dijalankan.

5.5 RUMUSAN

Konklusinya, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti masalah ini yang dihadapi oleh golongan komuniti serta pelajar jurusan perbankan Islam adalah kurang menitikberatkan tentang penulisan wasiat untuk menguruskan harta mereka melalui objektif kajian yang dibentuk di awal kajian iaitu merangka templet wasiat digital dan mewujudkan perantaraan secara langsung platform yang dicipta kepada pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan wasiat. Bertitik tolak kenyataan di atas, objektif yang telah ditetapkan di awal kajian telah mencapai dengan diberikan penekanan terhadap fokus utama objektif tersebut bagi memudahkan pengguna untuk berhubung dengan pihak bertanggungjawab dalam menulis wasiat melalui atas talian tanpa perlu beratur di kaunter. Dengan wujudnya inovasi ini, sedikit sebanyak dapat membantu negara dalam mengurangkan kadar purata harta pusaka yang semakin bertambah pada setiap tahun akibat daripada tindakan segelintir pihak yang memandang remeh terhadap isu penulisan wasiat yang kurang dititikberatkan di Malaysia.

RUJUKAN

Abnor Hamizam Abd Manap (September 7, 2017 ,1:07pm), '*Ramai Belum Buat wasiat*'
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/322343/ramai-belum-buat-wasiat>

Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, *maksud wasiat dari segi istilah dan bahasa*,

<http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/component/content/article/21-joomla/components/211-wasiat?Itemid=951>

Portal Rasmi e-Faraid, *maksud wasiat*

<https://efaraid.mais.gov.my/wasiat/>

Azman Bin Ismail, Ahli Panel Penerangan AmanahRaya (2007), *perancangan dan pengurusan pewarisan Islam*

LAMPIRAN

a) Borang soal selidik (mengenalpasti masalah dalam penulisan wasiat)

POLITEKNIK
MALAYSIA
SEBERANG PERAI
(JABATAN PERDAGANGAN)
DPB50163 BUSSINES PROJECT

SOAL SELIDIK BERKENAAN PENGETAHUAN PELAJAR DIB

Kajian ini dilaksanakan oleh pelajar semester 5 daripada group 7 bagi subjek DPB50163 BUSSINES PROJECT. Borang soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklum balas dari pihak tuan/puan mengenai pengetahuan dalam pengurusan wasiat.

Semua jawapanyang diberi akan disimpan secara sulit dan hanya akan digunakan ke atas dasar akademik sahaja. Kejasama yang telah diberikan ke atas kajian ini amatlah kami hargai.

BAHAGIAN A:

1. BERAPAKAH TAHAP KEFAHAMAN ANDA TENTANG PENULISAN WASIAT?

1	2	3	4	5
SANGAT TIDAK FAHAM	TIDAK FAHAM	SERDEHANA FAHAM	FAHAM	FAHAM SANGAT

2. ADAKAH PENULISAN WASIAT INI PENTING KEPADA GOLONGAN MUDA?

YA	TIDAK

3. ADAKAH ANDA BERMINAT UNTUK MENPELAJARI TENTANG WASIAT DAN CARA MENGURUSKAN?

YA	TIDAK

(Terhadap Pelajar DIB)

POLITEKNIK
MALAYSIA
SEBERANG PERAI
(JABATAN PERDAGANGAN)
DPB50163 BUSSINES PROJECT

SOAL SELIDIK BERKENAAN PENGETAHUAN KOMUNITI TENTANG WASIAT

Kajian ini dilaksanakan oleh pelajar semester 5 daripada group 7 bagi subjek DPB50163 BUSSINES PROJECT. Borang soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklum balas dari pihak tuan/puan mengenai pengetahuan dalam pengurusan wasiat.

Semua jawapanyang diberi akan disimpan secara sulit dan hanya akan digunakan ke atas dasar akademik sahaja. Kejasama yang telah diberikan ke atas kajian ini amatlah kami hargai.

BAHAGIAN A:

1. ADAKAH ANDA TAHU APAITU WASIAT?

YA	TIDAK

2. ADAKAH ANDA MENGGAGAP PROSES PENULISAN WASIAT INI RUMIT?

YA	TIDAK

3. ADAKAH ANDA BERMINAT UNTUK MENPELAJARI TENTANG PENULISAN WASIAT?

YA	TIDAK

(Terhadap Komuniti)

b) Borang soal selidik (keberkesanan produk inovasi yang dihasilkan)

POLITEKNIK
MALAYSIA
SEBERANG PERAI
(JABATAN PERDAGANGAN)
DPB50163 BUSSINES PROJECT

SOAL SELIDIK BERKENAAN KEBERKESANAN KAJIAN PELAJAR DIB

Kajian ini dilaksanakan oleh pelajar semester 5 daripada group 7 bagi subjek DPB50163 BUSSINES PROJECT. Borang soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklum balas dari pihak tuan/puan mengenai pengetahuan dalam pengurusan wasiat.

Semua jawapanyang diberi akan disimpan secara sulit dan hanya akan digunakan ke atas dasar akademik sahaja. Kejasama yang telah diberikan ke atas kajian ini amatlah kami hargai.

BAHAGIAN A:

1. Adakah sistem link mudah dan templet digital ini membantu anda ?

1	2	3	4	5
SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
0	0	0	10%	90%

2. Adakah anda memerlukan sistem link mudah ini untuk kegunaan pengurusan wasiat ?

1	2	3	4	5
SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
0	0	33%	38.7%	60%

3. Adakah maklumat pada poster yang diklankan lengkap serta difahami oleh anda ?

1	2	3	4	5
SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
0	0	10%	43.3%	46.7%

4. Adakah sistem link ini dapat menarik minat anda untuk membuat pengurusan wasiat ?

1	2	3	4	5
SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
0	0	0	23.3%	76.7%



5. Adakah link ini penting kepada masyarakat serta pelajar untuk masa akan datang ?

1	2	3	4	5
SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	KURANG SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
0	0	0	20%	80%



c) Temubual pengurus cawangan Bank Islam Tanjung Malim :-
 (Tuan Mohd Azrul Bin Abdul Latif)





d) Surat menulis wasiat oleh Amanah Raya (pengurus Bank Islam sertakan ketika temubual)




e) Nota ringkas mengenai penulisan wasiat





f) Templet yang dihasilkan bagi menarik minat pengguna



g) Buku perancangan dan pengurusan wasiat pewarisan Islam (AmanahRaya)

